

SEPTEMBER  
2024

# e-Lingua

3/2024



✓ <u>Chief Editor's Desk</u>	<u>2</u>
✓ <u>News &amp; Reports</u>	<u>7</u>
✓ <u>Language Club News &amp; Reports</u>	<u>16</u>
✓ <u>Image &amp; Lifestyle</u>	<u>44</u>
✓ <u>Pet Lovers' Central</u>	<u>70</u>
✓ <u>Lecturer's Contribution</u>	<u>93</u>
✓ <u>Creative Corner</u>	<u>119</u>
✓ <u>The Team</u>	<u>131</u>



A hand is shown holding a single white, smooth stone above a stack of seven similar white stones. The stones are resting on a beach of small, multi-colored pebbles. The background is a soft-focus view of the ocean and sky.

# Lecturer's contribution

Inspiring Language Learning [94](#)

One night at the Caribbean Campsite [96](#)

Tourist Attractions in Shanghai [99](#)

Food in Shanghai [102](#)

Cheongsam in Shanghai [105](#)

Let's Kecek! [107](#)

Steady, Auntie! [111](#)

Budaya Minum Teh di Turki [115](#)



## Steady, Auntie!

*Oleh Rofiza Aboo Bakar*

Kadangkala, atau lebih tepat lagi -- kerap kali-- saya lupa sebenarnya usia saya sudah menginjak lebih 50-an dan sudah berumur. “Sudah berumur” itu adalah perkataan-perkataan yang lebih sopan kepada maksud sebenar “sudah tua”. Maka, apabila orang ramai bersorak-sorai memberi kata-kata semangat, “Steady, Auntie!” ketika saya memasuki acara “aquathlon” pada 5 Ogos 2023 yang lalu, saya tersentak seketika. Akan tetapi, saya harus fokus kepada menghabiskan acara tersebut sebelum masa yang diperuntukkan tamat.

Saya yang sudah berumur ini terjebak memasuki acara tersebut kerana terpengaruh dengan angan-angan sendiri yang acara itu boleh dihabiskan dalam jangkamasa dua jam yang diperuntukkan oleh penganjur, Tick Sweats. Maka, hanya dengan berbekalkan semangat tetapi kurang latihan, ke Putrajaya tetap saya pergi.



Tasik Putrajaya yang direnangi



Jumaat, 4 Ogos 2023 dikhususkan untuk pendaftaran dan pengambilan bib renang dan larian, topi renang dan baju T. Ketika saya mahu mengambil barang-barang keperluan, seorang petugas meminta kad pengenalan. Saya menghulurkan kepadanya kad pengenalan saya. Dia melihat saya dan seolah-olah tidak percaya bahawa saya yang akan memasuki acara tersebut. Dia bertanya dua kali soalan yang sama: “It’s you who are going to compete in this event?” Saya senyum dan menjawab “Ya”. Dia bersalaman dengan saya dan berkata, “Bravo! Good luck!” Saya menjawab “Thanks, and wish me luck,” dan berlalu dari situ.



Dilihat kepada senarai peserta, memang ternyata, saya yang paling tua dan diletakkan dalam kategori “Senior Women” dalam kelompok umur 35 tahun ke atas. Sedangkan bagi kategori “Senior Men”, julat umur ialah 50 tahun ke atas. Tiada wanita berumur 50 tahun ke atas memasuki acara ini melainkan saya. Melihat kepada senarai peserta, saya sudah tahu, saya tidak mungkin dapat menandingi mereka yang muda dengan beza umur melebihi 15 tahun. Saya berbisik dalam hati, “Tak mengapa. Habiskan apa yang telah kau mulakan.”



Selesai berenang dan mengenakan persalinan untuk larian. Masa 4 minit untuk persalinan tetap diambilkira.

Keesokan hari, sebelum Subuh lagi, saya telah sampai ke Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6 dan meletakkan tuala, stokin, kasut lari dan baju T ke dalam bakul yang disediakan. Barang-barang ini perlu digunakan selepas berenang untuk acara larian. Pendaftaran dibuat sekali lagi dan alat pengesan dipasang di kaki. Tasik Putrajaya yang masih gelap saya amati betul-betul dan dalam doa yang saya panjatkan usai solat Subuh ialah supaya saya dapat berenang dengan selamat dan tidak 'mati'.

Tepat 7.30 pagi, acara bermula dengan renangan 1 kilometer dan kemudiannya larian sejauh 7 kilometer. Kami dilepaskan berkelompok-kelompok.

Kelompok saya dan "Senior Men" dilepaskan paling akhir kira-kira jam 8.30 pagi. Semasa berenang, saya dapat rasakan air tasik ini amat berat berbanding dengan air kolam renang mahupun air laut. Saya juga harus 'melarikan' diri daripada kelompok perenang yang tidak nampak perenang lain yang berdekatan dan mungkin mencederakan dengan hayunan tangan dan tendangan kaki mereka.



Saya berenang agak jauh dari mereka kerana saya tidak laju dan tidak mahu tercedera atau ditarik oleh mereka. Acara berenang untuk 1 kilometer ini saya habiskan dalam jangkamasa 33 minit. Semasa mengelap baju renang dan mengenakan stokin, baju T serta kasut lari, saya berfikir macam mana mahu berlari dengan tenaga yang sudah tidak banyak ini. Bagi acara larian 7 kilometer yang meliputi jambatan dan kawasan berbukit-bukau, masa yang diambil untuk berlari sangat perlahan – 1 jam 9 minit. Saya keletihan dan dan kebanyakannya saya hanya berjalan kaki. Mungkin kerana inilah laungan “Steady, Auntie” dilaungkan para penonton yang berada di sepanjang laluan acara.

Apapun, “auntie” ini akhirnya berjaya menghabiskan kedua-dua acara aquathlon dengan selamat. Secara keseluruhannya, dalam kelompok “Senior Women”, “auntie” ini berada di tangga ke 11 daripada 14 orang. Ia merupakan hadiah awal untuk hari lahir “auntie” yang ke 51 tahun yang jatuh dua hari selepas acara itu. “Auntie” ini mungkin tidak sedar diri, tetapi apa yang pasti, acara ini amat istimewa dan akan dikenang oleh “auntie” tua ini sampai bila-bila.



Akhirnya “auntie” sampai dengan masa rasmi 1 jam 46 minit.